

## Tahap Kesedaran Pelajar Terhadap Salah Laku Gangguan Seksual di Tempat Belajar

### *Level of Awareness of Students Against Sexual Harassment in the Place of Study*

Zaitun Muzana<sup>1</sup>, Faisal Husen Ismail<sup>2\*</sup>, Shakila Ahmad<sup>2</sup>, Abd Shakor Borham<sup>2</sup>, Fitriah M. Suud<sup>3</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, University College Bestari*

*Putera Jaya, Permaisuri, Setiu, Terengganu, Malaysia, 22100 Permaisuri, Terengganu, MALAYSIA*

<sup>2</sup> *Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

*Persiaran Tun Dr. Ismail, 86400 Parit Raja, Johor, MALAYSIA*

<sup>3</sup> *Universitas Muhammadiyah Yogyakarta*

*Jl. Brawijaya, Geblagan, Tamantirto, Kec. Kasihan, Kabupaten Bantul, Yogyakarta 55183, INDONESIA*

\*Pengarang Utama: [titelfaisal80@gmail.com](mailto:titelfaisal80@gmail.com)

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2024.05.02.018>

#### Maklumat Artikel

Diserah: 20 April 2024

Diterima: 30 Mei 2024

Diterbitkan: 30 Jun 2024

#### Kata Kunci

Salah laku, gangguan seksual, institusi pendidikan

#### Abstrak

Kes gangguan seksual di universiti adalah isu yang semakin membimbangkan. Hal ini kerana akan memberikan kesan yang negatif kepada para pelajar. Kelakuan ini juga boleh berlaku dalam pelbagai bentuk sama ada dalam bentuk fizikal, lisan, bukan lisan dan juga visual. Gangguan seperti ini boleh memberikan kesan yang serius kepada pemangsa misalnya seperti menghadapi tekanan, hilang keyakinan diri dan masalah kesihatan mental. Oleh hal yang demikian pihak universiti boleh mengambil mana-mana langkah proaktif untuk mencegah dan menangani gangguan seksual. Ini bukan sahaja untuk kesejahteraan para pelajar tetapi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran pelajar terhadap salah laku gangguan seksual di tempat belajar di kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn, Pagoh. Populasi kajian ini terdiri daripada 120 individu. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Google Form telah digunakan sebagai kaedah pengumpulan data bagi kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa 93.3% responden sedar bahawa kata-kata dan gurauan merupakan gangguan seksual di tempat belajar, 86.7% responden memberi pandangan keinginan seksual merupakan salah satu bentuk gangguan seksual dan 93.3% bersetuju bahawa semtuhan fizikal yang tidak diinginkan merupakan satu bentuk gangguan seksual. Kesimpulannya, kesedaran pelajar terhadap salah laku gangguan seksual di tempat belajar adalah sangat penting bagi mengawal dan mengurangkan kes gangguan seksual yang berlaku di tempat belajar yang semakin berleluasa untuk mencipta persekitaran pendidikan yang lebih selamat dan berkualiti.

## Keywords

Misconduct, sexual harassment, educational institutions

## Abstract

Cases of sexual harassment in universities are increasingly concerning. This is because it can have a negative impact on students. Such behavior can occur in various forms, whether physical, verbal, non-verbal, or visual. Such harassment can have serious effects on victims, such as experiencing stress, loss of self-confidence, and mental health issues. Therefore, the university can take proactive steps to prevent and address sexual harassment. This is not only for the well-being of students but also to create a safe and conducive learning environment. This study aims to identify the level of awareness among students about sexual misconduct in the place of study at Universiti Tun Hussein Onn, Pagoh. The population of this study consists of 120 individuals. This research uses a quantitative approach with a survey research design. Google Forms was used as the data collection method for this study. The results of the study show that 93.3% of respondents are aware that words and jokes constitute sexual harassment in the place of study, 86.7% of respondents view sexual advances as a form of sexual harassment, and 93.3% agree that unwanted physical touch is a form of sexual harassment. In conclusion, students' awareness of sexual misconduct in the place of study is very important to control and reduce the increasingly widespread cases of sexual harassment in educational settings, in order to create a safer and higher quality educational environment.

## 1. Pendahuluan

Gangguan seksual merupakan isu serius yang melibatkan tingkah laku berunsur seksual yang tidak diinginkan dan menyebabkan ketidakelesaan kepada seseorang (Aziz, A. R. A., Razak, N. H. A., Nasir, M. A. M., Amat, M. I., & Zakaria, M. Z., 2021). Menurut kamus dewan edisi keempat, gangguan seksual melibatkan pelbagai bentuk sama ada secara fizikal, lisan, bukan lisan dan juga visual (Shahidah, 2023). Secara fizikal, ianya boleh terjadi melalui sentuhan, pelukan atau memicit dan menggosok tubuh badan mangsa dengan sengaja. Manakala secara lisan pula ia boleh terjadi apabila pelaku memanggil mangsa dengan kata kata yang tidak sesuai seperti 'seksi', 'baby' atau 'sayang', membuat lawak yang lucu dan komen yang lucu berkenaan dengan tubuh badan pemangsa. Bagi bukan lisan pula, pelaku berkemungkinan akan menunjukkan bahasa isyarat yang berunsur seksual, menghantar mesej lucu, gambar lucu atau pornografi. Di samping itu, ada juga yang menggunakan secara visual iaitu memandangi mangsa dengan cara seksual atau membuat isyarat yang tidak sesuai, menunjukkan bahan pornografi dan menunjukkan tubuh badan yang tidak sepatutnya kepada pemangsa (Women Center for Change, 2020). Kelakuan buruk seperti ini memberi kesan yang mendalam kepada pemangsa kerana gangguan seksual yang kerap dapat membuatkan seseorang berasa tertekan, hilang keyakinan diri dan juga boleh menyebabkan sakit mental. Lebih buruk lagi, gangguan seksual turut berlaku di institusi pengajian tinggi seperti universiti, bahkan kes gangguan seksual semakin merisaukan kerana ia memberikan kesan negatif terhadap kesejahteraan fizikal, psikologi dan juga akademik para siswa.

Seperti yang kita telah tahu, universiti merupakan salah satu pusat pembelajaran dan perkembangan intelektual, ia sepatutnya menjadi tempat yang selamat dan kondusif untuk semua individu. Namun, realiti menunjukkan bahawa para siswa di universiti juga tidak terlepas daripada menjadi mangsa gangguan seksual. Kes-kes gangguan seksual di universiti terkadang berlaku daripada pelaku yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada mangsa, seperti Ketua Jabatan, pensyarah dan juga penyelia. Hal ini kerana, pelaku akan menjustifikasikan perbuatan mereka dengan alasan mereka adalah ketua yang perlu dituruti oleh mereka yang berada di bawahnya (Wan Fahmin Faiz, 2017). Di samping itu bukan sahaja salah guna kuasa orang atasan malah sikap setiap individu yang sentiasa memandangi remeh terhadap isu gangguan seksual juga menyumbang lagi berlakunya kes-kes gangguan seksual di universiti sekaligus memberikan kesan negatif kepada pemangsa daripada segi fizikal dan mental bahkan mampu menjejaskan lagi prestasi akademik para siswa serta kehidupan sosial mereka.

Justeru kajian kes gangguan seksual di universiti adalah penting dilakukan bagi memahami faktor kepada isu gangguan seksual boleh berlaku, jenis gangguan yang dihadapi oleh mangsa dan tindakan yang perlu dilakukan untuk mencegah dan menangani kes gangguan seksual daripada terus berlaku. Malah kajian kes ini dapat membantu serta membuka mata pihak berkuasa dan universiti untuk bertindak dengan lebih pantas demi memastikan persekitaran pembelajaran para siswa selamat dan kondusif.

Oleh itu, kajian ini hendak mencapai objektif kajian 1) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran pelajar terhadap gangguan seksual di tempat belajar; 2) Bagaimanakah tahap kesedaran pelajar

terhadap berbagai bentuk gangguan seksual di tempat belajar. 3) Bagaimanakah keberkesanan program-program pencegahan gangguan seksual yang dijalankan oleh institusi pendidikan.

## 2. Kajian Lepas

Tinjauan literatur ini akan membincangkan tentang salah laku gangguan seksual yang sering terjadi dalam kehidupan seharian. Gangguan seksual sudah menjadi perkara yang tidak asing lagi dalam masyarakat dan pelaku gangguan seksual ini semakin berani kerana masyarakat masih takut untuk membuka mulut tentang mereka. Antara contoh gangguan seksual yang sering berlaku ialah menggunakan perkataan yang lucah dan memegang bahagian sulit secara sengaja. Perkara ini perlu dihentikan supaya masyarakat berasa selamat. Justeru pihak yang berkenaan perlu mengambil inisiatif dan tindakan kepada pelaku gangguan seksual supaya negara aman dan sejahtera.

### 2.1 Sikap dan Amalan Pengguna Media Sosial Terhadap Gangguan Seksual

Di dalam pembangunan era kemodenan yang semakin pesat, gangguan seksual juga kini terkenal di alam maya. Mereka lebih berani kerana boleh menyembunyikan identiti. Reaksi dan tindakan terhadap mereka perlu diberikan secara sama rata kerana perbuatan mereka itu sangat menjijikan dan perlu dihukum. Perkara ini menjadi lebih teruk kerana seawal remaja sudah terkena gangguan seksual ini. Pengguna media sosial perlu berhati-hati dalam menghadapi gangguan seksual. Mereka seeloknya segera melaporkan pada pihak berkuasa supaya pihak berkuasa boleh melakukan siasatan terhadap kes tersebut. Jika perkara ini diambil serius oleh semua pihak, gangguan seksual diharapkan bakal berkurang (Sexual Harassment: Laws in Malaysia (M) – WCC, 2020). Sikap-sikap pengguna media sosial juga perlu di perbetulkan semula jika inginkan perubahan. Misalnya tidak menunjukkan perkara yang tidak senonoh di laman sosial kerana perkara itu yang membuatkan gangguan seksual ini bermula. Perkara ini perlu diperhatikan sebaiknya supaya gangguan seksual ini dapat dihentikan kerana jika tiada siapa yang melakukan tindakan, tiada apa yang akan berubah.

### 2.2 Gangguan Seksual dan Kanak-Kanak

Gangguan seksual ini perkara yang terkutuk dan tidak akan dapat diterima oleh sesiapa. Perkara ini menjadi lebih teruk kerana gangguan seksual ini berada di institusi pembelajaran. Kanak-kanak tidak terkecuali daripada gangguan ini dan perkara ini merosakkan imej agama, bangsa dan negara (Gewirtz-Meydan, A., & Finkelhor, D., 2020). Oleh itu, amat penting melindungi kanak-kanak daripada gangguan seksual. Ini termasuk peningkatan kesedaran tentang tanda-tanda dan gejala gangguan seksual pada kanak-kanak, serta upaya untuk mengawal kejadian-kejadian gangguan seksual dengan cepat dan tepat. Tenaga pengajar perlu lebih cakna terhadap isu gangguan seksual dalam kalangan pelajar mereka. Setiap pihak perlu mengambil berat isu ini dan menjalankan inisiatif yang lebih efektif supaya gangguan seperti ini tidak berulang di institusi pembelajaran. Menghukum dengan hukuman yang berat kepada pelaku, memberi kesedaran awal kepada kanak-kanak dan sentiasa memeriksa keadaan pelajar menjadi salah satu cara untuk mengawal gangguan seksual daripada semakin berleluasa.

## 3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Data Sekunder kajian ini merujuk kepada penulisan buku, atikrl jurnal, keratan akhbar berkaitan gangguan seksual. Manakala dat primer kajian ini adalah merujuk kepada data responden dalam kalangan pelajar UTHM. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik melalui Google Form. Responden kajian ini adalah pelajar UTHM Pagoh daripada tahun 1 sehingga tahun 4. Seramai 120 orang responden telah menjawab soal selidik dimana bilangan jantina lelaki sebanyak 60 orang manakala perempuan sebanyak 60 orang. Pengedaran link Google Form dilakukan dalam talian iaitu melalui media sosial seperti WhatsApp. Borang soal selidik kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama berkaitan demografi responden yang merangkumi bangsa, umur, fakulti serta tahun pengajian. Manakala dalam bahagian kedua pula mengandungi soalan berkaitan tajuk tahap kesedaran pelajar terhadap salah laku gangguan seksual di tempat belajar.

## 4. Dapatan kajian


Dalam bahagian dapatan kajian, demografi responden dan dapatan soal selidik yang mengenai dengan tiga objektif kajian akan dibincangkan. Semua responden dalam kajian ini merupakan pelajar Universiti Tun Hussein Onn.

#### 4.1 Demografi Responden

Dalam kajian ini, terdapat sebanyak 120 orang responden telah mengambil bahagian dalam menjawab borang soal selidik yang disediakan. Demografi responden telah dianalisis menurut jantina, bangsa, agama, umur, fakulti, dan juga tahun pengajian. Data akan ditunjukkan melalui carta pai.

### 1. Jantina


Rajah 1 Jantina



Berdasarkan data di atas, seramai 120 orang responden telah menyertai dalam kajian ini. Sebanyak 60 orang (50%) daripada 120 orang responden merupakan pelajar perempuan dan 60 orang (50%) daripada 120 orang responden merupakan pelajar lelaki.

### 2. Bangsa


Rajah 2 Bangsa



Berdasarkan data di atas, seramai 120 orang responden telah menyertai dalam kajian ini. Sebanyak 93 orang (77.5%) responden merupakan pelajar Melayu, 19 orang (15.8%) merupakan pelajar Cina, 7 orang (5.8%) responden merupakan pelajar India, 1 orang (0.8%) responden merupakan pelajar Bugis.

### 3. Umur


Rajah 3 Umur



Berdasarkan data di atas, seramai 120 orang responden telah menyertai dalam kajian ini. Sebanyak 91 orang (75.8%) responden berumur antara 20-24 tahun, 25 orang (20.8%) berumur antara 18-19 tahun dan 4 orang (3.3%) responden berumur antara 25 tahun ke atas.

### 4. Fakulti


Rajah 4 Fakulti



Berdasarkan data di atas, seramai 120 orang responden telah menyertai dalam kajian ini. Sebanyak 87 orang (72.5%) responden adalah pelajar dari Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, 25 orang (20.8%) adalah pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan 8 orang (6.7%) responden adalah pelajar dari Pusat Pengajian Diploma.

### 5. Tahun Pengajian

Rajah 5 Tahun Pengajian



Berdasarkan data di atas, seramai 120 orang responden telah menyertai dalam kajian ini. Sebanyak 74 orang (61.7%) responden merupakan pelajar yang berada di dalam tahun pengajian 1, 36 orang (30%) responden merupakan pelajar yang berada di dalam tahun pengajian 2, 8 orang (6.7%) responden merupakan pelajar yang berada di dalam tahun pengajian 3 dan 2 orang (1.7%) responden merupakan pelajar yang berada di dalam tahun 4 pengajian mereka.

### 4.2 Dapatan Soal Selidik

Dalam bahagian ini akan menerangkan dapatan soal selidik mengenai kesedaran pelajar UTHM terhadap salah laku gangguan seksual di tempat belajar. Hasil dapatan dari soal selidik akan dihuraikan menurut item-item yang digunakan dalam soal selidik iaitu ya atau tidak, pilihan jawapan dan jawab isi tempat kosong.

**Bahagian B Sikap Pelajar UTHM Terhadap Gangguan Seksual**

Bil	Item	Peratusan(%)											
		Ya	Tidak										
1	Adakah sokongan dari pihak pentadbiran dan pendidikan penting dalam membentuk kesedaran pelajar terhadap gangguan seksual di tempat belajar?	90.8%	9.2%										
2	Adakah pendidikan awal seksual yang diberikan oleh institusi pendidikan kepada pelajarinya dapat memberi kesedaran kepada pelajar mengenai gangguan seksual di tempat belajar?	90.8%	9.2%										
3	Adakah anda sedar kata-kata,komen, gurauan, usikan, bunyi dan soalan-soalan berbentuk cadangan seksual merupakan salah satu bentuk gangguan seksual di tempat belajar?	93.3%	6.7%										
4	Adakah anda sedar bahawa memberi pandangan atau kerlingan yang memberikan bayangan keinginan seksual merupakan salah satu bentuk gangguan seksual di tempat belajar?	86.7%	13.3%										
5	Adakah anda pernah mengalami situasi di mana seseorang memberi komen seksual yang tidak diingini kepada anda di tempat belajar?	58.3%	41.7%										
6	Adakah anda sedar bahawa sentuhan fizikal yang tidak diingini daripada orang berlainan jantina merupakan satu bentuk gangguan seksual di tempat belajar?	93.3%	6.7%										
7	Adakah anda telah mengikuti mana-mana program pencegahan gangguan seksual yang dijalankan oleh institusi pendidikan? Jika "YA", sila nyatakan program tersebut pada soalan no. 8	37.5%	62.5%										
8	Sila nyatakan nama program pencegahan gangguan seksual yang pernah anda terlibat.	<table border="1"> <tr> <td>1.8%</td> <td>Anda Bijak Jauhi Zina</td> </tr> <tr> <td>1.8%</td> <td>Elak Gangguan Seksual</td> </tr> <tr> <td>13.6%</td> <td>Program Pencegahan Gangguan Seksual</td> </tr> <tr> <td>1.8%</td> <td>Pendidikan Wanita</td> </tr> <tr> <td>1.8%</td> <td>Program pembangunan Wanita LPPKN</td> </tr> </table>		1.8%	Anda Bijak Jauhi Zina	1.8%	Elak Gangguan Seksual	13.6%	Program Pencegahan Gangguan Seksual	1.8%	Pendidikan Wanita	1.8%	Program pembangunan Wanita LPPKN
1.8%	Anda Bijak Jauhi Zina												
1.8%	Elak Gangguan Seksual												
13.6%	Program Pencegahan Gangguan Seksual												
1.8%	Pendidikan Wanita												
1.8%	Program pembangunan Wanita LPPKN												

		1.8%	Program Pencegahan Buli dan Anti Seksual	
		1.8%	Program Pendidikan Jenayah Seksual	
		1.8%	Kempen Anti Seksual	
9	Adakah anda merasa bahawa program-program pencegahan gangguan seksual ini membantu dalam mencipta persekitaran yang lebih selamat di institusi pendidikan?	91.7%		8.3%

Bagi soalan 1 yang diutarakan kepada responden adalah adakah sokongan dari pihak pentadbiran dan pendidikan penting dalam membentuk kesedaran pelajar terhadap gangguan seksual di tempat belajar. Bagi soalan 1 ini seramai 109 orang (90.8%) responden bersetuju dan 11 orang (9.2%) responden tidak setuju. Kebanyakan responden bersetuju bahawa pihak pentadbiran dan pendidikan penting dalam membentuk kesedaran pelajar terhadap gangguan seksual.

Soalan 2 yang ditujukan kepada responden ialah adakah pendidikan awal seksual yang diberikan oleh institusi pendidikan kepada pelajar dapat memberi kesedaran kepada pelajar mengenai gangguan seksual. Menurut rajah di atas, 109, orang (90.8%) responden bersetuju dan 11 orang (9.2%) responden tidak setuju. Berdasarkan data di atas, kebanyakan responden bersetuju bahawa pendidikan awal seksual telah memberi kesedaran kepada pelajar.

Soalan 3 pula bertanya kepada responden bahawa adakah mereka sedar kata-kata, komen, gurauan, usikan, bunyi dan soalan-soalan berbentuk cadangan seksual merupakan salah satu bentuk gangguan seksual di tempat belajar. Menurut data di atas seramai 112 orang (93.3%) responden bersetuju, 8 orang (2.8%) responden tidak setuju. Hasil data ini boleh lihat ramai responden yakin bahawa kata-kata, komen, gurauan, usikan berbentuk seksual merupakan bentuk - bentuk gangguan seksual.

Soalan 4 disoal kepada responden sama ada responden sedar bahawa memberi pandangan atau kerlingan yang memberikan bayangan keinginan seksual merupakan salah satu bentuk gangguan seksual di tempat belajar. Seramai 104 orang (86.7%) responden bersetuju dan 16 orang (13.3%) responden tidak setuju. Seperti yang dapat dilihat, ramai responden sangat bersetuju bahawa memberi pandangan atau kerlingan yang memberikan bayangan keinginan seksual merupakan salah satu bentuk gangguan seksual di tempat belajar.

Soalan 5 diutarakan kepada responden adakah mereka pernah mengalami situasi di mana seseorang memberi komen seksual yang tidak diingini kepada mereka di media sosial. 104 orang (86.7%) responden bersetuju, 16 orang (13.3%) responden tidak setuju. Di sini boleh dilihat kebanyakan responden setuju bahawa mereka pernah menjadi mangsa gangguan seksual di media sosial.

Soalan 6 bertanya responden bahawa adakah mereka sedar bahawa sentuhan fizikal yang tidak diingini dari lawan jenis merupakan satu bentuk gangguan seksual di tempat belajar. 112 orang (93.3%) responden bersetuju, 8 orang (6.7%) tidak setuju, Seperti yang di lihat di atas, ramai responden setuju bahawa sentuhan fizikal lawan jenis tanpa keizinan merupakan gangguan seksual

Soalan 7, ditujukan kepada responden bahawa adakah mereka telah mengikuti mana-mana program pencegahan gangguan seksual yang dijalankan oleh institusi pendidikan. Seramai 75 orang (62.5%) responden tidak bersetuju, 8 orang (6.7%) responden . Seperti yang dilihat, kebanyakan responden tidak mengikuti program anti gangguan yang dijalankan di sekolah.

Soalan 8 yang ditanyakan kepada pelajar UTHM ialah menyatakan nama program pencegahan gangguan seksual yang pernah mereka pernah terlibat. Seramai 100 (83.2%) orang sangat tidak setuju iaitu tidak pernah menyertai program anti gangguan seksual, 20 orang bersetuju (16.8%) iaitu pernah terlibat dalam program anti gangguan sosial di sekolah. Antara program yang disenaraikan adalah Program Anda Bijak Jauhi Zina, Program Elak Gangguan Seksual.

Program Pencegahan Gangguan Seksual, Program Pendidikan Wanita, Program Pembangunan Wanita LPPKN, Program Pencegahan Buli dan Anti Seksual, Program Pendidikan Jenayah Seksual dan Kempen Anti Seksual.

Soalan 9 yang disoalkan kepada pelajar UTHM ialah adakah mereka merasa bahawa program-program pencegahan gangguan seksual ini membantu dalam mencipta persekitaran yang lebih selamat di institusi pendidikan. Seramai 110 orang bersetuju (91.7%), 10 orang tidak setuju (8.3%). Ramai pelajar yang bersetuju akan berasa program anti gangguan seksual membantu cipta persekitaran lebih selamat di institusi pendidikan.

Soalan yang terakhir yang ditujukan kepada pelajar ialah jika mereka pernah menjadi mangsa gangguan seksual, apakah tindakan mereka. Melalui kajian ini, seramai 72 orang (60%) menjawab saya akan melawan gangguan seksual secara tegas atau menolak tindakan tersebut serta meminta bantuan orang lain, 40 orang (33.4%) menjawab saya akan segera melaporkan insiden gangguan seksual kepada pihak berkuasa. Seramai 4

orang (3.3%) menjawab saya akan membiarkan gangguan seksual tersebut atau terima secara pasif dan 4 orang (3.3%) menjawab dengan jawapan sendiri. Antara jawapan responden adalah menerima sahaja gangguan seksual tersebut, menjauh diri daripada pelaku seksual atau berlawan dengan pelaku seksual. Responden lebih memilih bersetuju dengan melawan gangguan seksual secara tegas atau menolak tindakan tersebut serta meminta bantuan orang lain.

## 5. Perbincangan

Perbincangan kajian ini membahaskan mengenai tiga objektif utama kajian iaitu mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran pelajar terhadap gangguan seksual di tempat belajar, mengenal pasti tahap kesedaran pelajar terhadap berbagai bentuk gangguan seksual di tempat belajar, serta menilai keberkesanan program-program pencegahan gangguan seksual yang dijalankan oleh institusi pendidikan.

### 5.1 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Tahap Kesedaran Pelajar Terhadap Gangguan Seksual di Tempat Belajar

Merujuk kepada hasil kajian soal selidik yang telah dilakukan, faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran pelajar terhadap gangguan seksual di tempat belajar, majoriti pelajar iaitu 90.8% daripada mereka berpendapat bahawa sokongan dari pihak pentadbiran dan pendidikan penting dalam membentuk kesedaran pelajar terhadap gangguan seksual di tempat belajar. Antara bentuk sokongan yang telah diberikan oleh institusi pendidikan adalah dengan menerapkan garis panduan pengurusan salah laku seksual di institusi pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Garis panduan ini bertujuan menjadi rujukan kepada semua pihak berkepentingan di institusi pendidikan dalam menjelaskan tatacara pengurusan salah laku seksual. Garis panduan ini juga memberikan kefahaman tentang salah laku seksual, implikasinya dan peranan pihak yang terbabit dalam pengurusan salah laku seksual di institusi pendidikan. Dengan terbentuknya garis panduan ini, kesedaran dalam pengurusan kes salah laku seksual di tempat belajar akan menjadi lebih jelas serta teratur.

Di samping itu, hasil dapatan kajian menunjukkan 90.8% daripada responden bersetuju bahawa pendidikan awal seksual yang diberikan oleh institusi pendidikan kepada pelajar dapat memberikan kesedaran kepada pelajar mengenai gangguan seksual. Bagi menerapkan pendidikan awal seksual ini kepada para pelajar, pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan pendedahan yang menyeluruh kepada seluruh pelajar. Antara usaha yang telah dilakukan ialah dengan menerapkan pendidikan seksual sejak daripada bangku sekolah melalui subjek Pendidikan Jasmani & Kesihatan (PJPK). Tujuan utama usaha ini dilakukan adalah bagi memastikan setiap pelajar peka dan sedar terhadap gangguan seksual terutamanya di tempat belajar. Melalui usaha ini juga, langkah pencegahan terhadap gangguan seksual akan dapat dipupuk di dalam kalangan pelajar.

### 5.2 Tahap Kesedaran Pelajar Terhadap Berbagai Bentuk Gangguan Seksual di Tempat Belajar

Berdasarkan hasil kajian soal selidik yang telah dilakukan terhadap pelajar UTHM, didapati bahawa sebahagian besar daripada responden iaitu 93.3% sedar bahawa kata-kata, komen, gurauan, usikan, bunyi dan soalan-soalan berbentuk cadangan seksual merupakan salah satu bentuk gangguan seksual di tempat belajar. Selain itu juga, majoriti responden juga sedar bahawa memberi pandangan atau kerlingan yang memberikan bayangan keinginan seksual merupakan salah satu bentuk gangguan seksual di tempat belajar iaitu sebanyak 86.7%. Melalui hasil kajian soal selidik ini, didapati bahawa sebahagian besar pelajar menyedari berbagai bentuk gangguan seksual di tempat belajar. Gangguan seksual di tempat belajar ini seperti duri dalam daging bagi semua orang kerana bukan hanya mengganggu fokus pelajar terhadap pelajaran, tetapi juga boleh mengakibatkan kesan yang lebih parah terhadap mangsa seperti gangguan emosi dan mental (Sirojam Munir et al., 2023; Nirwana, A., Suri, S., Junaedi, D., Akhyar, S., Ismail, F. H., Fansuri, F., ... & Hidayat, W. N., 2024). Oleh sebab itu, tahap kesedaran terhadap gangguan seksual yang tinggi amatlah penting agar pelajar tidak menjadi mangsa salah laku seksual.

Melalui hasil kajian soal selidik ini juga, sebilangan besar iaitu 93.3% daripada responden sedar bahawa sentuhan fizikal yang tidak diingini daripada orang berlainan jantina merupakan satu bentuk gangguan seksual di tempat belajar. Mengelakkan diri daripada menjadi mangsa gangguan seksual memerlukan kesedaran yang meluas terhadap sebarang bentuk gangguan seksual. Tahap kesedaran yang tinggi terhadap gangguan seksual ini juga bukan sahaja dapat menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa salah laku seksual, tetapi juga menyelamatkan orang di sekeliling daripada terjerumus ke kancah gangguan seksual. Langkah-langkah bertindak sekiranya berlaku gangguan seksual juga penting agar sebarang aduan atau laporan akan disalurkan kepada pihak yang bertanggungjawab dan boleh dipercayai.



### 4.3 Keberkesanan Program Pencegahan Gangguan Seksual Yang Dijalankan Oleh Institusi Pendidikan

Hasil kajian soal selidik menunjukkan bahawa 37.5% daripada responden pernah mengikuti program pencegahan gangguan seksual yang dijalankan oleh institusi pendidikan dan 91.7% daripada mereka merasakan bahawa program-program pencegahan gangguan seksual ini membantu dalam mencipta persekitaran yang lebih selamat di institusi pendidikan.

Program seperti ini adalah merupakan satu elemen penting bagi memupuk kesedaran mengenai gangguan seksual dalam kalangan pelajar yang semakin lama semakin terdedah kepada bahaya gangguan seksual (Michael, E., Ean Heng, L., & May Chuen, E., 2021; Supriani et al., 2022). Program kesedaran gangguan seksual yang dijalankan di institusi pendidikan sedikit sebanyak dapat membuka mata semua pihak betapa pentingnya mencegah gangguan seksual daripada terus berleluasa. Dengan adanya program seperti ini, diharapkan agar peratusan gangguan seksual yang berlaku di tempat belajar dapat dikurangkan dan sekaligus menjadikan institusi pendidikan sebagai satu tempat yang selamat untuk semua orang.

## 5. Kesimpulan

Kesedaran pelajar terhadap salah laku gangguan seksual di tempat belajar adalah sangat penting bagi mengawal dan mengurangkan kes gangguan seksual yang berlaku di tempat belajar yang semakin berleluasa untuk mencipta persekitaran pendidikan yang lebih selamat dan berkualiti. Hal ini demikian kerana kesedaran yang tinggi dalam diri pelajar berkaitan gangguan seksual ini akan memberikan impak yang positif kepada diri sendiri ataupun orang lain kerana mereka akan mempunyai pengetahuan yang luas mengenai apa yang merangkumi gangguan seksual, termasuk tingkah laku yang tidak diingini seperti kata-kata, komen, gurauan, usikan, bunyi, pandangan atau kerlingan, serta soalan yang berbentuk cadangan seksual yang boleh memberikan bayangan kepada keinginan seksual. Dalam konteks ini, sokongan dan perhatian daripada pihak pentadbiran dan pendidikan dengan memberikan pendidikan awal berkaitan salah laku seksual memainkan peranan yang paling utama untuk membentuk kesedaran salah laku gangguan seksual kepada para pelajar. Ini telah terbukti bahawa di dalam kajian yang telah dilakukan ini menunjukkan sebanyak 94.6% responden yang bersetuju bahawa pendidikan awal seksual telah memberikan kesedaran kepada mereka mengenai gangguan seksual.

Justeru, tahap kesedaran yang tinggi terhadap gangguan seksual bukan sahaja dapat menyelamatkan diri daripada menjadi salah seorang mangsa salah laku seksual, malah ia juga dapat menyelamatkan orang di sekeliling daripada gangguan seksual. Dalam konteks ini, pelajar yang mempunyai kesedaran terhadap gangguan seksual akan lebih peka dan sedar terhadap bentuk-bentuk gangguan seksual di sekelilingnya dan ini akan menyebabkan ia lebih cenderung untuk bertindak seperti meminta pertolongan ataupun melaporkannya kepada pihak yang bertanggungjawab. Jadi, kesedaran terhadap gangguan seksual ini akan membentuk persekitaran di mana mangsa yang terkena gangguan seksual ini tidak akan lagi berasa malu ataupun takut untuk bersuara kerana telah wujudnya komuniti yang memahami isu gangguan seksual ini dari pelbagai bentuk gangguan seksual tanpa mengira perbuatan atau percakapan. Oleh itu, sudah terang lagi bersuluh bahawasanya program kesedaran gangguan seksual yang dijalankan di institusi pendidikan sedikit sebanyak akan membuka mata semua pihak mengenai betapa pentingnya untuk mengambil tahu serta mencegah gangguan seksual daripada terus berleluasa.

## Penghargaan

Penulis artikel ingin mengucapkan terima kasih dan rasa penghargaan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang yang bermakna untuk penerbitan artikel ini.

## Rujukan

- Amin, S. M., Ghani, S. A., & Ab Latif, A. (2005). Konsep dan pelaksanaan sekolah selamat. In *Persidangan Seminar Pendidikan 2005*.
- Aziz, A. R. A., Razak, N. H. A., Nasir, M. A. M., Amat, M. I., & Zakaria, M. Z. (2021). Persepsi Pekerja Terhadap Sensitiviti Gangguan Seksual Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Devian. *e-BANGI Journal*, 18(5).
- Gewirtz-Meydan, A., & Finkelhor, D. (2020). Sexual abuse and assault in a large national sample of children and adolescents. *Child maltreatment*, 25(2), 203-214.
- Michael, E., Ean Heng, L., & May Chuen, E. (2021). Ketagihan internet serta penerimaan pornografi dalam kalangan belia Malaysia. *Kajian dari perspektif dasar keselamatan siber negara*. 452-463.
- Nirwana, A., Suri, S., Junaedi, D., Akhyar, S., Ismail, F. H., Fansuri, F., ... & Hidayat, W. N. (2024). Exploration of Wasatiyah Diction to Realize Sustainable Tolerance Between Religious Communities: A Study of the

- Translation of the Quran of the Ministry of Religious Affairs of the Republic of Indonesia. *Revista de Gestão Social e Ambiental*, 18(6), e05717-e05717.
- Hamzah, S., & Walsh, D. (2023). Gangguan Seksual: Kepentingan Kesedaran Mengenai Gangguan Seksual Dalam Kalangan Pelajar. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 4(1), 240-246. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs/article/view/11767>
- Sirojam Munir, M., & Sarnon, N. (2023, January 31). 'Akukah Mangsanya?': Pengetahuan Mahasiswa Terhadap Isu Gangguan Seksual. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(1), 1-8. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/518>
- Supriani, R. A., & Ismaniar, I. (2022). Upaya Pencegahan Kekerasan Seksual Pada Anak Usia Dini. *Jambura Journal of Community Empowerment*, 1-20.
- Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). [https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/pekeliling\\_dan\\_garis\\_panduan/ikhtisas/2023/SPI](https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/pekeliling_dan_garis_panduan/ikhtisas/2023/SPI)
- KPM Bilangan 13 Tahun 2023 Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia 1.1.pdf
- Sexual harassment: Laws in Malaysia (M). WCC. (2020). <https://www.wccpenang.org/sexual-harassment-laws-in-malaysia-m/>,
- Aqma. (2021, July 22). Gangguan seksual di sekolah: cerita lucu yang berlaku disekolah. *theAsianparent-Panduan Untuk Kehamilan, Bayi & Besarkan Anak*. <https://www.google.com.my/amp/s/my.theasianparent.com/seorang-budak-lelaki-menarik-tali-branya-di-sekolah-apa-yang-dilakukannya-kemudian-adalah-mengkagumkan/amp>
- Ilhamka. (n.d.). Gangguan seksual di sekolah. Scribd. <https://www.scribd.com/document/137128942/Gangguan-seksual-di-sekolah>
- Shahidah Hamzah, Daeyrell Walsh,(2023 May 25), gangguan seksual dan kepentingan kesedaran Mengenai gangguan seksual dalam kalangan pelajar,<https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs/article/download/11767/3748/68362>
- Women center for change,(2020), apakah itu [https://www.wccpenang.org/sexual-harassment-what-is-m/gangguan seksual](https://www.wccpenang.org/sexual-harassment-what-is-m/gangguan-seksual),